

12/09/1999

Anggota BN diminta kemaskan jentera

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) diminta memperkemaskan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya tanpa menunggu sehingga nama calon diumumkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, jentera tidak akan bergerak sekiranya parti komponen, wakil rakyat dan pemimpin menunggu serta melihat sama ada parti atau nama mereka dicalonkan.

"Ini bukan semangat Barisan Nasional. Kita bekerja untuk memastikan kemenangan besar komponen dalam pilihan raya dan bukan calon.

"Calon mungkin datang daripada parti komponen, tetapi apa yang kita lihat hanya dacing. Dacinglah yang patut kita pangkah," katanya ketika berucap pada jamuan makan tengah hari bersama Perdana Menteri di sini, semalam.

Majlis anjuran BN Wilayah Persekutuan itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Setiausaha Agung Barisan Nasional, Datuk Seri Mohamed Rahmat; dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohamed.

Dr Mahathir berkata, semua parti komponen perlu bekerjasama dan menyusun strategi di samping berdamping dengan pengundi bagi memastikan BN menang dalam pilihan raya nanti.

Beliau memberi jaminan Umno Wilayah Persekutuan akan memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya untuk memastikan kemenangan BN di semua kerusi Parlimen di Wilayah Persekutuan.

"Saya yakin semua parti komponen lain juga akan turut menyokong calon Umno yang bertanding," katanya.

BN kini menguasai lapan daripada 11 kerusi Parlimen iaitu Titiwangsa, Wangsa Maju, Batu, Bandar Tun Razak, Segambut, Lembah Pantai, Bukit Bintang dan Labuan.

Perdana Menteri yang mengimbas penubuhan BN 25 tahun lalu berkata, kerjasama itu dapat dipertahankan berdasarkan perkongsian kuasa antara parti yang mewakili rakyat berbilang kaum dan agama.

"Perikatan yang terdiri daripada Umno, MCA dan MIC sebelum ini sanggup berkongsi dalam mentadbir dan rakyat daripada berbilang kaum dapat mengambil bahagian dalam pentadbiran negara.

"Parti pembangkang sekarang cuba untuk mencontohi BN tetapi mereka akan gagal kerana mempunyai objektif dan matlamat perjuangan yang berbeza," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika DAP memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia, Pas pula berhasrat menubuhkan negara Islam manakala Parti Rakyat Malaysia cuba mengembangkan ideologi sosialis yang sudah ditolak rakyat Malaysia.

Parti Keadilan Nasional pula katanya, hanya ditubuhkan kerana seorang yang sebelum itu berada dalam BN selama 17 tahun, dan hanya mengatakan kerajaan tidak adil selepas memecatnya.

"Ketika ramai yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1987, (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) yang ketika berada dalam kerajaan tidak kata tindakan itu tidak adil," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN ditubuhkan untuk berkongsi kuasa antara kaum dan mewujudkan perpaduan di samping mengurangkan ketegangan bagi membolehkan kerajaan memberi sepenuh perhatian kepada pembangunan.

Dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Perdana Menteri berkata, dalam

pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan beliau mengambil kesempatan untuk menjelaskan isu yang dihadapi parti selain menerangkan mengenai soal ekonomi dan politik.

Umno Wilayah Persekutuan sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya dan sudah menggerakkan jentera pilihan rayanya, termasuk mendekati pengundi.

(END)